UUM/AA88/BH/24.09.2026/P:12(1-3)

UUM NEWS HIGHLIGHTS

☐ STRAITS TIMES ☐ Utusan Malaysia ☐ Kosmo! ☑ BH
☐ Sinar ☐ Star ☐ Metro
Date: 24/9/26 Page: 12
Komentar.

Reformasi fiskal berani tingkat upaya kerajaan bela rakyat

- Pendekatan Perdana Menteri menunjukkan pengurusan fiskal berhemat tidak semestinya bermaksud dasar penjimatan membebankan rakyat
- Kepemimpinan PM memperlihat pengurusan kewangan negara mantap perlu keberanian politik untuk laksana reformasi, ketegasan kawal hutang dan keikhlasan pastikan manfaat pertumbuhan sampai kepada rakyat



Oleh Prof Madya Dr Siti Nurazira Mohd Daud
bhrencana@bh.com.my

Felo Penyelidik, Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI), Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan UUM

Pengurusan kewangan negara yang berkesan bukan sekadar diukur menerusi jumlah hasil dikutip atau perbelanjaan dikurangkan, tetapi melalui keupayaan kerajaan menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi, kemampanan fiskal dan kesejahteraan rakyat.

Inilah pendekatan diketengahkan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam ucapannya sempena Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan pada Isnin lalu.

Ucapan beliau memperlihatkan pengukuhan kedudukan kewangan Malaysia sedang dilaksanakan melalui gabungan disiplin fiskal, reformasi institusi dan pengagihan kekayaan yang lebih adil.

Keupayaan pentadbiran Perdana Menteri paling jelas menerusi usaha mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat.

Berdasarkan angka mutakhir, defisit negara menurun daripada 5.5 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2022 kepada 5.0 peratus pada 2023, 4.1 peratus pada 2024 dan 3.7 peratus pada 2025.

Walaupun tekanan harga tenaga menyebabkan unjuran defisit 2026 disemak kepada 3.6 peratus, kerajaan menyasarkan penurunan selanjutnya kepada 3.3 peratus pada 2027.

Trend ini mencerminkan usaha penyatuan fiskal yang konsisten tanpa mengabaikan keperluan pembangunan negara.

Lebih menarik, penurunan defisit berlaku ketika ekonomi masih berkembang. Bank Negara Malaysia (BNM) melaporkan pertumbuhan KDNK sebanyak 6.0 peratus pada suku kedua 2026, berbanding 5.4 peratus pada suku pertama.

Keadaan ini penting kerana pengurangan perbelanjaan yang terlalu mendadak boleh melemahkan permintaan domestik, pelaburan dan peluang pekerjaan.

Pendekatan Perdana Menteri menunjukkan pengurusan fiskal berhemat tidak semestinya bermaksud dasar penjimatan membebankan rakyat.

Sebaliknya, kerajaan berusaha meningkatkan kecekapan perbelanjaan sambil mengekalkan momentum pertumbuhan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menjelaskan perbezaan antara jumlah hutang terkumpul dengan keperluan membuat pinjaman baharu.

Hutang lama masih perlu dibayar bersama kos pembiayaannya, termasuk tanggungan diwarisi daripada keputusan terdahulu.

Namun, pinjaman baharu mesti dikawal supaya generasi akan datang tidak menanggung beban berlebihan.

Data yang ada menunjukkan jumlah hutang baharu berkurang daripada sekitar RM100 bilion pada 2022 kepada RM75.6 bilion pada 2025.

Inilah prinsip keadilan antara generasi, yang mana pembangunan hari ini tidak seharusnya dibiayai melalui pengorbanan masa depan.

Satu lagi pencapaian penting ialah keberanian melaksanakan penyasaran subsidi. Perdana Menteri mengakui reformasi itu antara keputusan ekonomi paling mencabar kerana membabitkan kepentingan pengguna, perniagaan dan kedudukan kewangan kerajaan.

Namun, sistem subsidi tidak tersasar boleh menyebabkan ketirisan apabila manfaatnya turut dinikmati golongan berpendapatan tinggi, pengguna tidak layak dan pihak mengeksploitasi perbezaan harga.

Penyasaran subsidi elektrik, diesel, petrol RON95 serta reformasi berkaitan harga ayam dan telur menghasilkan penjimatan sekitar RM15.5 bilion setahun.

Penjimatan ini memperkukuh ruang fiskal kerajaan untuk menghadapi kejutan ekonomi dan membiayai keutamaan rakyat.

Keberanian perbetul struktur subsidi

Pada masa sama, Perdana Menteri menegaskan komitmen mengekalkan harga RON95 bersubsidi pada RM1.99 seliter bagi pengguna layak meskipun harga minyak dunia meningkat.

Keberanian membetulkan struktur subsidi sambil melindungi rakyat membuktikan reformasi ekonomi boleh dilaksanakan secara berperingkat dan berperikemanusiaan.

Pendekatan ini turut diterjemahkan menerusi peluasan bantuan sosial. Peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) meningkat daripada sekitar RM8 bilion kepada RM15 bilion.

> "Data yang ada menunjukkan jumlah hutang baharu berkurang daripada sekitar RM100 bilion pada 2022 kepada RM75.6 bilion pada 2025"

Belanjawan 2027 pula meningkatkan peruntukan itu kepada RM16 bilion. Bantuan ini bukan perbelanjaan kebajikan semata-mata, tetapi sebahagian daripada strategi mengekalkan kuasa beli isi rumah, khususnya kumpulan rentan yang lebih terdedah kepada inflasi makanan dan kos sara hidup.

Perdana Menteri memberikan perhatian kepada kenaikan gaji penjawat awam, dengan tambahan kos boleh mencecah RM18 bilion. Peningkatan imbuhan ini perlu disertai peningkatan produktiviti, integriti dan mutu penyampaian perkhidmatan.

Justeru, penegasan Perdana Menteri kenaikan gaji mesti diiringi penghapusan rasuah, ketirisan dan kelewatan pentadbiran adalah tuntutan munasabah.

Rakyat bukan sahaja berhak menerima bantuan kewangan, tetapi perkhidmatan kerajaan pantas, cekap dan berkualiti.

Keistimewaan pendekatan Perdana Menteri turut terletak pada usaha memperkukuh institusi. Pelaksanaan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 meletakkan disiplin kewangan dalam kerangka perundangan yang lebih jelas.

Sementara itu, Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 memperkukuh autonomi institusi legislatif. Dalam ucapannya, Perdana Menteri menekankan reformasi sebenar memerlukan kesanggupan pemimpin melepaskan sebahagian kuasa kepada institusi mempunyai mandat tersendiri.

Langkah sedemikian penting bagi memastikan pengurusan kewangan negara tidak terlalu bergantung pada kebijaksanaan seseorang pemimpin semata-mata.

Bagaimanapun, prestasi fiskal yang baik tidak bererti semua cabaran selesai. Tekanan harga minyak, peningkatan kos subsidi, tanggungan hutang dan keperluan pembangunan wilayah masih menuntut keputusan sukar.

Oleh itu, kejayaan pengurusan kewangan perlu terus dinilai melalui ketelusan perolehan, keberkesanan bantuan, pertumbuhan pendapatan sebenar rakyat serta kemampuan kerajaan mencapai sasaran defisit tanpa menjejaskan perkhidmatan asas.

Kesimpulannya, kepemimpinan Perdana Menteri memperlihatkan pengurusan kewangan negara mantap memerlukan keberanian politik untuk melaksanakan reformasi, ketegasan mengawal hutang dan keikhlasan memastikan manfaat pertumbuhan sampai kepada rakyat.

Disiplin fiskal bukan tujuan terakhir, tetapi satu alat membina negara lebih makmur, adil dan berdaya tahan. Cabaran seterusnya ialah memastikan setiap dasar diumumkan benar-benar diterjemahkan kepada hasil boleh dirasai seluruh rakyat.

